



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BILANGAN 3 TAHUN 2020**

**ARAHAN PENANGGUHAN OPERASI DAN PERKHIDMATAN PEJABAT
KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

1. Tujuan

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menetapkan arahan berkenaan penangguhan operasi dan perkhidmatan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan (PKwNS) berdasarkan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19.

2. Latar Belakang

Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 mengenai COVID-19, semua premis dan perkhidmatan Kerajaan telah diarahkan tutup bermula 18hb hingga 31hb Mac 2020 kecuali perkhidmatan penting negara.

P.Kw.N/NS.(349) 600/4-1 Kit.3 (28)

Walau bagaimanapun Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(2) bertarikh 17 Mac 2020 menetapkan bahawa Ketua Jabatan boleh menentukan perkhidmatan penting di Jabatan masing-masing dan mengarahkan pegawai yang terlibat untuk hadir bertugas di pejabat.

Pekeliling ini juga hendaklah dibaca bersekali dengan surat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan rujukan SUKNS(S)100-1/9/4 (5) bertarikh 17 Mac 2020 berkenaan Garis Panduan Pengurusan Bekerja di Pejabat Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

3. Pelaksanaan

3.1 Penangguhan Operasi dan Perkhidmatan

- (a) Semua operasi dan perkhidmatan PKwNS adalah ditangguhkan bermula 18hb hingga 31hb Mac 2020 kecuali yang melibatkan perkhidmatan proses pembayaran dan penerimaan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Manakala operasi di Bahagian/Seksyen/Unit yang lain hanya akan dilaksanakan berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri atau Ketua Bahagian sahaja.
- (b) Dalam hal ini, **YB Pegawai Kewangan Negeri atau Ketua Bahagian akan mengeluarkan memo arahan bekerja secara bertulis** kepada pegawai-pegawai yang terlibat dan salinan arahan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan untuk rekod.
- (c) Pegawai yang telah diarahkan bertugas adalah bertanggungjawab untuk membawa memo tersebut pada setiap masa sebagai rujukan kepada pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya diperlukan.

32 Keberadaan Pegawai dan Kakitangan PKwNS

- (a) Semua pegawai dan kakitangan PKwNS hendaklah berada di rumah masing-masing dalam tempoh waktu pejabat/bekerja sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan ini berkuatkuasa melainkan pergerakan ke tempat-tempat lain yang tertentu berdasarkan keperluan mendesak. Pergerakan tersebut hendaklah dilaporkan kepada YB Pegawai Kewangan Negeri atau Ketua Bahagian masing-masing.
- (b) Pegawai dan kakitangan hendaklah sentiasa bersedia untuk melaksanakan tugas dari rumah atau hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain sekiranya diarahkan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri atau Ketua Bahagian.
- (c) Pegawai dan kakitangan juga hendaklah sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu pejabat/bekerja sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan ini berlangsung.

33 Penangguhan Semua Aktiviti dan Program Rasmi

Semua aktiviti dan program rasmi yang telah dirancang sepanjang tarikh 18hb hingga 31 Mac 2020 adalah ditangguhkan. Pelaksanaan aktiviti dan program selepas tarikh tersebut adalah berdasarkan situasi dan arahan terkini oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

34 Tindakan Tatatertib

Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang gagal mematuhi perkara-perkara yang dinyatakan di atas melainkan mendapat kebenaran YB Pegawai Kewangan Negeri atau Ketua Bahagian. Pegawai adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]

P.Kw.N/NS.(349) 600/4-1 Klt.3 (28)

dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang mana bersesuaian.

4. Pemakaian

Pekeliling ini terpakai kepada semua pegawai dan kakitangan PKwNS dan hanya untuk edaran dalaman sahaja. Pemakaian pekeling ini berkuatkuasa serta merta.



(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)

Pegawai Kewangan Negeri

Negeri Sembilan Darul Khusus

17 Mac 2020